

Headline	Penerbangan pertama haji 27 Ogos		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	01 Jul 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	314,000
Page No	7	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	265 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,135
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,404



Penerbangan pertama haji 27 Ogos

Mohd Johari Ibrahim

joib@bh.com.my

Makkah



Kumpulan pertama daripada 22,320 jemaah haji Malaysia dijangka berlepas ke Tanah Suci pada 27 Ogos ini.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata penerbangan ke Tanah Suci yang terakhir pula pada 27 September ini.

Katanya, penerbangan pulang pula akan bermula pada 10 Oktober ini dan yang terakhir pada 8 November depan, yang membabitkan 64 penerbangan pergi dan balik secara keseluruhannya bagi musim ini.

Pembangunan pesat

Abdul Azeez berkata, jumlah jemaah haji itu selepas pengurangan kuota oleh kerajaan Arab Saudi disebabkan pembangunan pesat di sekitar Masjidil Haram yang giat dilaksanakan ketika ini.

Beliau berkata demikian ketika meninjau persiapan haji musim 2014, di sini, bersama beberapa pegawai kanan TH,

termasuk Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tan Sri Ismee Ismail.

Mengenai persiapan TH bagi menguruskan jemaah haji Malaysia di Tanah Suci tahun ini, Abdul Azeez berkata, ia berjalan lancar dan hampir sempurna.

"Penginapan jemaah haji di Madinah adalah sekitar lingkungan 200 meter dari Masjid Nabawi, manakala di Makkah dalam lingkungan 1,000 meter dari Masjidil Haram," katanya.

Beliau berkata, TH menyediakan sekitar 700 bas untuk membawa jemaah sepanjang musim haji kali ini.

Katanya, dari segi kesihatan jemaah, TH menyediakan 255 doktor dan pasukan kesihatan bagi memantau jemaah haji tahun ini.

Beliau berkata, mereka akan ditugaskan di tiga pusat

kesihatan disediakan TH bagi memastikan jemaah haji berada dalam keadaan terbaik, berikutan suhu di Makkah ketika itu dijangka mencecah 45 darjah Celsius.


Harap jemaah bersedia

"Cuaca tahun ini juga agak panas, pada masa sekarang pun maksimum 45 darjah Celsius dan ia dijangka meningkat pada Oktober dan November ini dan TH berharap jemaah haji bersedia," katanya.

Abdul Azeez berkata, secara keseluruhan bagi musim ini, TH memperuntukkan sebanyak RM130 juta sebagai subsidi kepada jemaah Malaysia.

Katanya, kos keseluruhan bagi seorang jemaah haji RM16,155, manakala caj yang dikenakan RM9,980 seorang. Subsidi diperuntukkan RM6,175 bagi seorang jemaah.

Tahun lalu TH memperuntukkan sekitar RM100 juta untuk subsidi haji yang membabitkan kos bagi seorang jemaah RM15,555.



Abdul Azeez (dua dari kanan) dan Ismee (kiri) ketika meninjau persiapan haji musim 2014 di Makkah.